



KERAJAAN MALAYSIA

**Dasar Bahan, Barangan Dan Perkhidmatan
Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PK 1.4	DASAR BAHAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN.....	1
1.	Pendahuluan	1
2.	Pelaksanaan Dasar Barangan Tempatan Bagi Perolehan Yang Tidak Tertakluk Kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreemeent – FTA</i>).....	1
2.1.	Takrifan Barangan/Bahan/Perkhidmatan Tempatan.....	1
2.2.	Sumber Rujukan Bagi Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan	2
2.3.	Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian.....	4
2.4.	Arahan Kepada Pembida.....	4
2.5.	Pelaksanaan Perolehan Barangan Import	5
2.6.	Proses Permohonan Perolehan Barangan Import	6
2.7.	Pengangkutan/ Penghantaran Barangan Import Berdasarkan <i>Incoterms</i> dan Insurans.....	7
2.8.	Pelaksanaan Perolehan MySTI Dalam Perolehan Kerajaan.....	7
2.9.	Pelaksanaan Pemantauan Penggunaan Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan.....	8
3.	Pengangkutan/ Penghantaran, Perlindungan Insurans dan Keutamaan Harga Bagi Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan Yang Tertakluk Kepada FTA.....	9
3.1	Pengangkutan/Penghantaran Barangan Daripada Negara Ahli FTA.....	9
3.2	Keutamaan Harga (<i>Margin of Preference - MOP</i>) Syarikat Tempatan/ Syarikat Negara Ahli FTA	9
4.	Tarikh Kuat Kuasa	10

PK 1.4 DASAR BAHAN, BARANGAN DAN PERKHIDMATAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

1. Pendahuluan

- 1.1. Pengenalan dasar penggunaan bahan/barangan dan perkhidmatan tempatan (selepas ini dirujuk sebagai dasar barangan tempatan) adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan industri tempatan melalui penggunaan bahan/barangan tempatan dan penggunaan perkhidmatan syarikat tempatan.
- 1.2. Semua perolehan Kerajaan termasuk bekalan, perkhidmatan, perunding dan kerja hendaklah mematuhi dasar barangan tempatan.
- 1.3. Pekeliling ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dan pemantauan dasar ini dibuat dengan teratur dan sempurna oleh semua Agensi.
- 1.4. Dasar Penggunaan Bahan/Barangan dan Perkhidmatan Tempatan dikekalkan mandatori bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*) dan tidak boleh dilaksanakan bagi perolehan yang tertakluk kepada FTA.

2. Pelaksanaan Dasar Barangan Tempatan Bagi Perolehan Yang Tidak Tertakluk Kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement – FTA*)

2.1. Takrifan Barangan/Bahan/Perkhidmatan Tempatan

- (i) Takrifan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan adalah seperti berikut:
 - (a) Bahan/barangan tempatan adalah bahan/barangan yang dibuat dan/atau yang dikeluarkan oleh pengilang tempatan melalui aktiviti pengilang;
 - (b) Pengilang adalah bermaksud sesuatu syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang mengambil bahagian dan/atau menjalankan aktiviti pengilangannya di dalam Malaysia dan bertanggungjawab ke atas kualiti bahan/barangan yang berkenaan;

- (c) Aktiviti Pengilang adalah bermaksud membuat dan/atau mengeluarkan apa-apa bahan/barangan berdasarkan kepada penggunaan dan termasuklah memasang bahagian melalui proses pengilangan; dan
- (d) Barangan/perkhidmatan hasil R&D tempatan adalah bermaksud barangan/perkhidmatan yang mendapat pensijilan di bawah Program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI).

2.2. Sumber Rujukan Bagi Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan

- (i) Sumber rujukan yang boleh dijadikan panduan oleh Agensi bagi mengenal pasti senarai barangan tempatan adalah seperti berikut:

- (a) **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**

Laman web Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) - Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi membuat carian barangan dengan logo buatan Malaysia yang dikeluarkan oleh KPDNHEP.

- (b) **Malaysian Investment Development Authority (MIDA)**

- (i) Laman web i-Manufacturing - Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi mengenal pasti senarai pengilang tempatan yang mengeluarkan barangan buatan tempatan. Agensi hendaklah merujuk terus kepada pengilang tersebut bagi mendapatkan spesifikasi lanjut mengenai barangan yang diperlukan.
 - (ii) Laman web i-Services – Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi mengenal pasti senarai syarikat perkhidmatan tempatan sedia ada. Agensi hendaklah merujuk terus kepada syarikat perkhidmatan tersebut bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang diperlukan.

- (c) **IKRAM QA Services Sdn. Bhd.**

Bahan/barangan buatan tempatan yang disenaraikan di dalam Buku Senarai Bahan-bahan Binaan Tempatan yang disediakan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd.

(d) SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Laman web Malaysian Certified - Barangan tempatan yang mendapat pengiktirafan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

(e) Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp. Malaysia)

Laman web *National Mark of Malaysian Brand* - Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi membuat carian pengilang dan syarikat perkhidmatan yang telah menerima persijilan logo *National Mark of Malaysian Brand*. Agensi dinasihatkan untuk merujuk terus kepada syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan bahan/ barangan/perkhidmatan yang dikehendaki.

(f) Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Laman Web MDEC - Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi membuat carian syarikat ICT berstatus MSC/MD yang menghasilkan produk atau menyediakan perkhidmatan ICT tempatan. Agensi dinasihatkan untuk merujuk terus kepada syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan produk/perkhidmatan ICT yang diperlukan.

(g) Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)

Laman Web Karyaneka - Agensi dikehendaki merujuk kepada laman web ini bagi membuat carian barangan kraftangan buatan tempatan.

(h) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) - Program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI)

Laman web MySTI (www.mysti.gov.my) - Agensi dikehendaki merujuk senarai inventori dalam laman web ini bagi membuat carian barangan/perkhidmatan hasil R&D tempatan bagi pelaksanaan program MySTI dalam perolehan Kerajaan.

(i) Lain-lain Badan Pensijilan

Lain-lain Badan Pensijilan tempatan yang telah mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia (JSM) bagi mengiktiraf bahan/barangan tempatan. Rujukan Badan Pensijilan yang diiktiraf boleh dibuat melalui laman web JSM.

2.3. Penyediaan Spesifikasi dan Penilaian

(i) Spesifikasi

- (a) Jawatankuasa Spesifikasi adalah bertanggungjawab untuk memastikan spesifikasi yang disediakan adalah berdasarkan spesifikasi barangan tempatan yang berasaskan Standard Malaysia (MS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM). Sekiranya tidak ada MS bagi barangan/ bahan tersebut, standard antarabangsa yang bersesuaian hendaklah digunakan.
- (b) Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah membuat kajian pasaran dengan merujuk kepada sumber yang disenaraikan bagi mengenal pasti barangan tempatan sedia ada. Ini adalah bagi mengelakkan spesifikasi yang disediakan menjurus kepada spesifikasi barangan import.
- (c) Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah memastikan barangan tempatan turut mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa atau perundangan sedia ada. Sebagai contoh bagi peranti perubatan hendaklah mematuhi Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737] dan sebagainya.
- (d) Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah memastikan sijil pengesahan barangan tempatan daripada badan yang diiktiraf dijadikan dokumen wajib bagi tujuan penilaian.

2.4. Arahan Kepada Pembida

- (i) Bagi projek pembinaan, agensi hendaklah menyatakan dengan jelas dalam dokumen pelawaan perolehan kerja dan perunding, bahawa kontraktor dan perunding perlu menggunakan bahan binaan tempatan yang disenaraikan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd., SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau mana-mana badan pensijilan tempatan yang diakreditasi oleh JSM semasa mengemukakan tawaran kepada Kerajaan.

- (ii) Jika sesuatu bahan binaan tempatan tidak disenaraikan oleh mana-mana badan pensijilan tersebut, ia boleh dipertimbangkan jika bahan/barangan tersebut telah terlebih dahulu diuji dan diperakukan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd. atau SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Sekiranya didapati kontraktor tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- (ii) Bagi perolehan bekalan atau perkhidmatan, syarikat hendaklah diwajibkan untuk menggunakan bahan/barangan buatan tempatan. Sekiranya didapati syarikat tidak mematuhi peraturan menggunakan bahan/barangan buatan tempatan setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan bahan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas kontraktor.
- (iii) Bagi perolehan yang melibatkan ICT, syarikat hendaklah mengenal pasti, mengutamakan dan menggunakan produk/perisian/kandungan/perkhidmatan ICT buatan syarikat tempatan berstatus MSC/MD yang disenaraikan di dalam senarai produk MSC/MD oleh MDEC. Sekiranya syarikat/pembekal tidak mematuhi peraturan menggunakan produk buatan MSC/MD setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan, penalti dan/atau penolakan produk/perkhidmatan yang dibekalkan akan dikenakan ke atas syarikat.

2.5. Pelaksanaan Perolehan Barangan Import

- (i) Perolehan barangan import (bahan/barangan import/ perkhidmatan asing – tidak termasuk perunding asing) hanya dibenarkan apabila barangan/perkhidmatan tempatan tiada di dalam pasaran tempatan atau barangan tempatan sedia ada tidak memenuhi spesifikasi teknikal yang diperlukan oleh Agensi.
- (ii) Agensi hendaklah memastikan barangan import mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa atau perundangan sedia ada. Sebagai contoh bagi peranti perubatan hendaklah mematuhi Akta Peranti Perubatan 2012 dan sebagainya.
- (iii) Agensi hendaklah memastikan kelulusan Pegawai Pengawal telah diperolehi terlebih dahulu sebelum perolehan barangan import bernilai melebihi RM50 ribu bagi satu jenis item setahun dilaksanakan. Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk membuat semakan status barangan tempatan/import sebelum perolehan barangan import dilaksanakan.

Barangan Import Bernilai Sehingga RM50 ribu

- (iv) Agensi boleh terus melaksanakan perolehan barangan import bernilai sehingga RM50 ribu tanpa sebarang syarat tambahan berdasarkan peraturan dan tatacara yang berkuat kuasa. Agensi hendaklah memastikan harga yang ditawarkan tidak termasuk tambang pengangkutan dan insurans. Agensi dibolehkan melantik mana-mana syarikat MTO dan mana-mana syarikat perlindungan insurans.

Perolehan Barangan Ex-stock

- (v) Perolehan bahan/barangan siap yang diimport yang berada dalam negara (*ex-stock*) tanpa sebarang had nilai boleh dilaksanakan berdasarkan peraturan dan tatacara yang berkuat kuasa telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal. Perolehan secara harga bersih (*nett delivered price*) boleh dilaksanakan dengan syarat Agensi berpuas hati barangan ada di dalam pasaran dan perolehan tersebut adalah menguntungkan Kerajaan.

2.6. Proses Permohonan Perolehan Barangan Import

- (i) Agensi hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keperluan Perolehan Import (JKPI) di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang pegawai termasuk Pengerusi bagi melaksanakan tanggungjawab seperti berikut:
 - (a) memastikan peruntukan yang mencukupi telah disediakan;
 - (b) memastikan spesifikasi barangan yang diperlukan telah disediakan berdasarkan fungsi dan keperluan agensi;
 - (c) *Request for Information* (RFI) telah dikemukakan kepada pengilang/pengeluar/pembekal barangan tempatan berdasarkan spesifikasi barangan yang diperlukan; dan
 - (d) memastikan salinan pelawaan RFI dan laporan RFI yang lengkap berserta justifikasi perolehan barangan import dikemukakan bersama permohonan kepada Pegawai Pengawal.

2.7. Pengangkutan/ Penghantaran Barangan Import Berdasarkan *Incoterms* dan Insurans

- (i) *International Commercial Terms (Incoterms)* ialah panduan atau peraturan perdagangan antarabangsa standard yang menerangkan hak dan tanggungjawab penjual dan pembeli. Panduan *Incoterms* yang diterima pakai untuk tatacara ini ialah *Incoterms* yang dikeluarkan oleh *International Chamber of Commerce (ICC)*.
- (ii) Bagi perolehan bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Cost, Insurance and Freight (CIF)* atau kaedah lain seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh ICC. Pembida bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/penghantaran daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*). Harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua diskaun, kos tambahan yang berkaitan, fi perkhidmatan sistem eP, kos pengangkutan dan kos perlindungan insurans.
- (iii) Bagi perolehan bernilai melebihi RM500 ribu, harga yang ditawarkan hendaklah berdasarkan kaedah *Free on Board (FOB)* atau kaedah lain seumpamanya di dalam *Incoterms* oleh ICC di mana agensi bertanggungjawab menguruskan perkara berkaitan pengangkutan dan insurans berdasarkan tatacara perolehan yang berkuat kuasa.

2.8. Pelaksanaan Perolehan MySTI Dalam Perolehan Kerajaan

- (i) Sebagai usaha menyokong hasil R&D tempatan yang diiktiraf menerusi penandaan logo MySTI, Agensi hendaklah mengenal pasti perolehan MySTI dengan membuat pemetaan daripada jumlah keseluruhan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT). *Key Performance Indicator (KPI)* tahunan Kementerian bagi perolehan MySTI ditetapkan sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah/nilai yang telah dipetakan sebagai perolehan MySTI tersebut. Perancangan perolehan bagi pelaksanaan perolehan MySTI akan dibantu pegawai rujukan (*focal points*) di Agensi masing-masing yang akan dilantik oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), untuk memadankan PPT Kementerian dengan produk/perkhidmatan yang mempunyai pensijilan MySTI.
- (ii) Keperluan sijil MySTI perlu diletakkan sebagai kriteria penilaian kewangan bagi perolehan MySTI. Penetapan markah lulus minimum di peringkat penilaian kewangan perlu mengambil kira pemarkahan bagi sijil MySTI.

- (iii) Tatacara pelaksanaan perolehan MySTI hendaklah dirujuk menerusi Garis Panduan seperti di **Lampiran 1**.

2.9. Pelaksanaan Pemantauan Penggunaan Bahan/Barangan/Perkhidmatan Tempatan

(i) Pemantauan Oleh Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana dikehendaki membuat pemantauan ke atas projek/program masing-masing sekiranya disyaki kontraktor/firma perunding/syarikat tidak mematuhi syarat penggunaan bahan/barangan buatan tempatan. Tindakan sewajarnya hendaklah diambil ke atas pegawai, kontraktor/firma perunding/syarikat yang gagal mematuhi peraturan penggunaan bahan/ barangan/perkhidmatan tempatan.

(ii) Pemantauan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

- (a) ICU JPM bertanggungjawab untuk membuat pemantauan/ peninjauan ke atas penggunaan bahan/barangan buatan tempatan terutamanya di tapak pembinaan projek Kerajaan.
- (b) Sekiranya didapati terdapat bukti kontraktor telah menggunakan bahan/barangan import sedangkan adanya bahan/barangan buatan tempatan di pasaran yang mencukupi, laporan aduan boleh dikemukakan terus kepada Pegawai Penguasa untuk memastikan tindakan penolakan bahan/barangan tersebut untuk digantikan dengan bahan/barangan buatan tempatan tanpa sebarang tambahan kos memandangkan ia sewajarnya telahpun diambil kira semasa pengemukaan tawaran harga kepada Kerajaan di peringkat pelawaan.

(iii) Pemantauan Oleh MDEC

- (a) MDEC bertanggungjawab untuk membuat pemantauan ke atas penggunaan barangan ICT buatan tempatan atau syarikat perkhidmatan ICT tempatan bagi projek Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, wakil MDEC boleh dilantik sebagai Ahli dalam Jawatankuasa Penilaian Barangan Import berkaitan ICT.

(iv) **Pemantauan Oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**

- (a) MOSTI bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan ke atas perolehan MySTI yang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk pencapaian sasaran KPI. Bagi tujuan perancangan perolehan MySTI, Kementerian dikehendaki merujuk kepada pegawai rujukan (*focal points*) dan MOSTI bagi mendapatkan khidmat nasihat pemilihan perolehan yang sesuai dilaksanakan melibatkan barangan/perkhidmatan MySTI.

3. Pengangkutan/ Penghantaran, Perlindungan Insurans dan Keutamaan Harga Bagi Perolehan Bekalan/ Perkhidmatan Yang Tertakluk Kepada FTA

3.1 Pengangkutan/Penghantaran Barangan Daripada Negara Ahli FTA

- (i) Agensi hendaklah menguruskan pengangkutan/penghantaran barangan yang diperolehi daripada negara ahli FTA berdasarkan *Incoterms* kaedah *Cost, Insurance and Freight* (CIF) atau kaedah lain yang seumpamanya di mana pembekal bertanggungjawab menguruskan pengangkutan/ penghantaran barang daripada kilang terus kepada tempat penerimaan yang ditetapkan agensi (*door-to-door delivery*).
- (ii) Syarikat boleh mendapatkan perlindungan insurans barangan daripada mana-mana syarikat insurans dan perkhidmatan pengangkutan daripada mana-mana syarikat MTO.

3.2 Keutamaan Harga (*Margin of Preference* - MOP) Syarikat Tempatan/ Syarikat Negara Ahli FTA

- (i) Syarikat tempatan (bukan Bumiputera) yang membekalkan barangan/ perkhidmatan yang berasal dari mana-mana negara ahli FTA dan syarikat dari negara ahli FTA yang membekalkan barangan/ perkhidmatan dari mana-mana negara ahli FTA layak diberi keutamaan harga.
- (ii) Syarikat tersebut hendaklah diberi keutamaan berdasarkan nilai perolehan dan peraturan keutamaan seperti berikut:

Nilai perolehan	Peratus keutamaan
Melebihi RM500 ribu sehingga RM1.5 juta	3.5%
Melebihi RM1.5 juta sehingga RM5 juta	2.5%
Melebihi RM5 juta sehingga RM10 juta	1.5%
Melebihi RM10 juta sehingga RM15 juta	1.25%
Melebihi RM15 juta	Tiada keutamaan


- (iii) Bagi tujuan keutamaan harga tersebut, perolehan barangan/ perkhidmatan yang tertakluk kepada FTA adalah menggunakan *Rules of Origin* (ROO) iaitu peraturan tempasal bagi menentukan sesuatu produk itu berasal dari negara tertentu.
- (iv) Pengiktirafan ROO adalah berdasarkan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa negara pengeksport atau apa-apa dokumen rasmi/komersial yang membuktikan tempasal barangan.

4. Tarikh Kuat Kuasa

4.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.

4.2 Pindaan peraturan ini berkuat kuasa mulai **23 Jun 2025**.

LAMPIRAN



KERAJAAN MALAYSIA

**Garis Panduan
Pelaksanaan Dasar Barangan dan
Perkhidmatan Hasil Penyelidikan dan
Pembangunan (R&D) Tempatan (MySTI)
Dalam Perolehan Kerajaan**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
DASAR BARANGAN DAN PERKHIDMATAN HASIL PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN (R&D) TEMPATAN (MySTI) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

1. PENGENALAN

- 1.1. Selaras dengan matlamat Teras 3 Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 untuk merangsang pertumbuhan industri tempatan demi memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan teknologi tempatan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memperkenalkan inisiatif penandaan logo bagi barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan (MySTI).
- 1.2. MySTI merupakan salah satu inisiatif untuk memperkasa aktiviti pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan. Kini, barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui aktiviti R&D tempatan boleh dikenal pasti melalui penandaan logo MySTI, dan seterusnya boleh dipasarkan dengan lebih strategik dan sistematik sama ada dalam perolehan Kerajaan mahupun di pasaran terbuka tempatan dan luar negara.
- 1.3. MySTI menyediakan platform inklusif yang menghubungkan antara Kerajaan, penyelidik, pemilik produk/teknologi, teknopreneur, bakal pembeli, bakal pelabur, rakan kerjasama dan pengguna. Inventori MySTI menghimpunkan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan yang telah dikomersialkan dan bersedia untuk dipasarkan.
- 1.4. Agensi MOSTI yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif MySTI ini adalah *Malaysian Research Accelerator for Technology* (MRANTI) dan *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC). MRANTI bertanggungjawab mempromosi dan memproses permohonan bagi mendapatkan sijil dan logo MySTI melalui Jawatankuasa Penandaan Logo MySTI (JPL MySTI) dan MTDC bertanggungjawab sebagai agensi perunding teknologi dan pembangun ekosistem MySTI, yang memainkan peranan selaku pemudahcara sesi konsultasi syarikat dengan Agensi.

2. OBJEKTIF

2.1. Objektif pelaksanaan MySTI dalam perolehan Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Menggalakkan penggunaan barangan dan perkhidmatan hasil R&D tempatan khususnya dalam perolehan Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan kepada barangan import;
- (ii) Meningkatkan daya saing, mewujudkan peluang pekerjaan dan membangunkan keupayaan syarikat teknologi tempatan melalui akses kepada pasaran dan perolehan Kerajaan;
- (iii) Merangsang daya cipta dan mengiktiraf bakat tempatan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI);
- (iv) Membantu syarikat teknologi tempatan untuk berkembang dan seterusnya menarik minat pelabur melalui rekod pelaksanaan dan prestasi kontrak Kerajaan; dan
- (v) Menyokong pemulihan dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

3. SKOP PELAKSANAAN

3.1. Pelaksanaan perolehan MySTI ini adalah melibatkan semua Kementerian dan Badan Berkanun Persekutuan (BBP) bagi perolehan yang menggunakan dana Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan perolehan MySTI oleh Kerajaan Negeri/Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)/Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) adalah tertakluk kepada pengadapatasian tatacara perolehan Kerajaan di peringkat agensi masing-masing.

- 3.2. Pegawai rujukan (*focal points*) yang dilantik MOSTI di setiap Kementerian akan berperanan untuk memberi khidmat nasihat, menyampaikan maklumat mengenai program MySTI serta melaporkan prestasi pelaksanaan perolehan MySTI.
- 3.3. Pelaksanaan perolehan MySTI ini adalah bagi perolehan yang tidak tertakluk kepada Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

4. SYARAT KELAYAKAN

- 4.1. Bagi pelaksanaan perolehan MySTI, MOSTI hendaklah memastikan syarikat yang diberi pensijilan MySTI mematuhi syarat berikut:
 - i) Mendapat pengiktirafan dan pensijilan logo MySTI berdasarkan Garis Panduan Penandaan Logo MySTI melalui laman web www.mysti.gov.my;
 - ii) Mempunyai pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) dan mematuhi semua syarat pendaftaran syarikat yang ditetapkan;
 - iii) Mengemaskini nombor pendaftaran syarikat dalam Sistem ePerolehan (eP) dalam sistem aplikasi MySTI untuk dipaparkan dalam inventori di laman web www.mysti.gov.my; dan
 - iv) Menyenaraikan barangan dan perkhidmatan dengan penandaan logo MySTI dalam Senarai Katalog ePerolehan setelah pendaftaran diluluskan.

5. KAEDAH PELAKSANAAN

- 5.1 Agensi hendaklah mengenal pasti perolehan yang akan dilaksanakan di bawah perolehan MySTI berdasarkan kajian pasaran melalui inventori MySTI di laman web www.mysti.gov.my.

- 5.2 Bagi tujuan perancangan perolehan MySTI, Agensi adalah dikehendaki untuk merujuk kepada pegawai rujukan (*focal points*) di agensi masing-masing terlebih dahulu untuk mendapatkan khidmat nasihat pemilihan perolehan yang sesuai dilaksanakan melibatkan barangan atau perkhidmatan MySTI. Agensi boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai rujukan (*focal points*) berkaitan penyediaan spesifikasi perolehan untuk membolehkan keutamaan diberikan kepada barangan atau perkhidmatan MySTI. Sekiranya diperlukan, MOSTI akan memudahcara sesi konsultasi di antara agensi bersama pihak syarikat bagi tujuan pelaksanaan kajian pasaran dan penyediaan spesifikasi yang lebih dinamik berasaskan fungsi/prestasi dengan merujuk kepada produk yang ditawarkan di pasaran termasuk barangan atau perkhidmatan MySTI.
- 5.3 Agensi juga digalakkan untuk melaksanakan perolehan dengan pembekal atau konsesi yang menyokong perolehan MySTI. Sijil MySTI daripada pemilik barangan atau perkhidmatan yang telah diiktiraf pensijilan MySTI boleh dikemukakan oleh pembida yang menawarkan barangan atau perkhidmatan untuk menyertai perolehan Kerajaan dan perolehan tersebut layak dipertimbang sebagai perolehan MySTI.
- 5.4 Perancangan perolehan barangan atau perkhidmatan MySTI di setiap Agensi perlu dilihat berdasarkan keperluan sebenar yang dipadankan dengan kesediaan teknologi tempatan.
- 5.5 Pelaksanaan perolehan mengikut had nilai dan kategori perolehan hendaklah berdasarkan tatacara semasa yang berkuat kuasa.
- 5.6 Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah memastikan penyediaan spesifikasi pada dokumen pelawaan bagi perolehan MySTI menetapkan syarat pengemukaan Borang Pengisytiharan Sijil MySTI adalah seperti di **Lampiran 1A**. Pembida hendaklah memuat naik sijil MySTI yang masih berkuat kuasa bagi barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan bersekali dengan borang ini.

- 5.7 Jawatankuasa Spesifikasi dikehendaki menambah keperluan sijil MySTI sebagai salah satu kriteria penilaian kewangan dengan pemarkahan khusus sebanyak 10%. Penetapan markah lulus minimum di peringkat penilaian kewangan perlu mengambil kira markah kecukupan nilai modal dan markah sijil MySTI.
- 5.8 Bagi perolehan melibatkan pembelian produk MySTI yang berstatus 'prototaip' (produk MySTI yang memerlukan pengubahsuaian dan pemerkasaan fungsi), perolehan boleh dilaksanakan secara rundingan terus dengan tujuan membantu syarikat dalam melaksanakan ujian lanjut yang membolehkan spesifikasi produk dipertingkatkan berdasarkan keperluan sebenar Agensi Kerajaan. Agensi perlu mematuhi syarat-syarat berikut:
- i) Agensi hendaklah merujuk kepada MOSTI/MTDC untuk mengesahkan bahawa produk tersebut adalah berstatus 'prototaip';
 - ii) Pelaksanaan perolehan secara rundingan terus perlu mendapat kelulusan Lembaga Perolehan Kementerian sebelum dilaksanakan dengan pembuktian produk prototaip daripada MOSTI/MTDC;
 - iii) Agensi adalah tertakluk kepada proses rundingan harga sepertimana ditetapkan melalui peraturan semasa yang berkuat kuasa dan hendaklah dimuktamadkan di Lembaga Perolehan Kementerian; dan
 - iv) Setelah dimuktamadkan, proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) dan proses selanjutnya dilaksanakan menggunakan Sistem eP melalui menu 'Cipta SST' di Modul Sebut Harga/Tender dan memilih Jenis Sebut Harga/Tender sebagai 'Rundingan Terus'.

6. PEMANTAUAN PELAKSANAAN

- 6.1 Agensi hendaklah memantau pelaksanaan Perolehan MySTI melalui *dashboard* pelaporan dan pemantauan KPI di www.mysti.gov.my.

- 6.2 Laporan transaksi perolehan yang direkodkan melalui sistem eP bagi setiap Agensi perlu dikemukakan kepada urus setia MySTI.
- 6.3 Syarikat yang membekalkan barangan atau perkhidmatan MySTI hendaklah mengemaskini rekod penyertaan perolehan Kerajaan di dalam www.mysti.gov.my pada setiap suku tahun bermula dari tarikh Pesanan Kerajaan bagi tujuan penilaian prestasi program.

7. MAKLUMAT URUS SETIA MYSTI

- 7.1. Sebarang pertanyaan mengenai MySTI boleh dimajukan kepada:

i) Dasar Program MySTI

Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengkormesialan R&D
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
Aras 2, Blok C4, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 Putrajaya, Malaysia
+603-88858000
enquiry@mosti.gov.my

ii) Permohonan sijil dan logo MySTI

Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI)
HIVE 5 (Enterprise 4),
Taman Teknologi MRANTI,
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
+603-8998 2020
info@mysti.gov.my
www.mysti.gov.my

iii) Perunding teknologi dan pembangunan ekosistem MySTI

Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd.

Ground Floor, Menara Yayasan Tun Razak

Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur

+603-21726000

mysti@mtdc.com.my

<https://www.mtdc.com.my/mysti/>



KEMENTERIAN _____

BORANG PENGISYTIHARAN BARANGAN/PERKHIDMATAN MySTI

BIL.	NAMA ITEM	PENSIJILAN MYSTI
1.	*senaraikan semua item bagi perolehan ini	*tandakan ' / ' jika mempunyai sijil MySTI
2.		
3.		

PERAKUAN

Perakuan pengisytiharan sijil MySTI yang masih berkuat kuasa (sijil disertakan bersama borang ini)

Dengan ini disahkan bahawa maklumat pengisytiharan adalah benar.

Tandatangan wakil syarikat :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Cop Syarikat :

Tarikh :

Nota:

- 1) Penandatangan wakil syarikat hendaklah individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan perolehan Kerajaan seperti di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan.
- 2) Sekiranya tawaran produk/perkhidmatan MySTI daripada pembida yang bukan merupakan pemilik sijil MySTI, sijil pengesahan pemilik sijil asal MySTI hendaklah disertakan.